



PANDUAN ATURAN KERJA FLEKSIBEL  
**MINGGU KERJA  
MAMPAT**

# Apakah Minggu Kerja Mampat?

Minggu Kerja Mampat ialah aturan kerja yang memberikan fleksibiliti dalam penjadualan kerja. Kaedah ini membolehkan pekerja mendapat cuti (sehari atau setengah hari) setiap minggu atau selang seminggu jika jam bekerja yang dipersetujui telah dipenuhi.

## 01 | Jadual 5/40

Pekerja bekerja empat hari 9 jam dan mendapat cuti separuh hari pada hari kelima.



## 02 | Jadual 4/40

Pekerja bekerja empat hari 10 jam dan mendapat cuti pada hari kelima.



## 03 | Jadual 9/80

Pekerja bekerja selama 80 jam dalam tempoh sembilan hari dan mendapat cuti pada hari kesepuluh.



# Faktor-faktor keberkesanan Minggu Kerja Mampat

**01** Pekerja mematuhi polisi, prosedur dan peraturan masa bekerja Minggu Kerja Mampat.

**02** Memastikan bilangan pekerja mencukupi pada setiap masa.



**03** Minggu Kerja Mampat berupaya untuk memenuhi permintaan pelanggan.

# Cabaran mendatang dan tindakan penyelesaian bagi pelaksanaan Minggu Kerja Mampat

Cabaran	Penerangan	Tindakan Penyelesaian
 <p><b>Keletihan Pekerja</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Waktu bekerja yang panjang (9 – 10 jam setiap hari) boleh mematkan terutamanya jika melibatkan tugas yang berulang.</li> <li>Produktiviti pekerja mungkin menurun disebabkan oleh keletihan atau tekanan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Rehat minimum 30 minit diberikan untuk setiap 5 jam bekerja berturut-turut.</li> </ul>
 <p><b>Mengekalkan operasi perniagaan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Susunan jadual kerja yang berbeza mungkin menyebabkan bilangan pekerja tidak mencukupi semasa tempoh puncak.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyelia hendaklah memastikan bilangan pekerja mencukupi sebelum meluluskan hari cuti tertentu.</li> </ul>

# Siapakah yang mendapat manfaat daripada pengaturan Minggu Kerja Mampat?

Majikan yang ingin mencapai objektif perniagaan seperti yang berikut:



Kos operasi yang lebih rendah



Mengurangkan ketidakhadiran pekerja

Pekerja yang memenuhi kriteria seperti yang berikut:



Pekerja yang mempunyai fungsi kerja sepenuh masa dengan tugas yang boleh dilaksanakan dan diselesaikan dalam minggu kerja mampat, dan tugas tersebut tidak memerlukan pekerja hadir pada setiap hari bekerja.



**ISI PENTING:**

## Tiada yang Mustahil

Analisis kos-faedah menyimpulkan bahawa 4/40 minggu bekerja boleh dilaksanakan dan menjimatkan kos walaupun untuk syarikat pembinaan yang kecil atau khusus.

### Langkah Kecil

Mulakan secara langkah demi langkah dengan melaksanakan minggu kerja mampat sekali sebulan.

# Komponen-komponen utama dalam polisi



## Tujuan

Menggariskan objektif pelaksanaan Minggu Kerja Mampat selaras dengan objektif perniagaan dan keperluan pekerja.



## Kelayakan

Menentukan kumpulan sasaran yang layak untuk memohon aturan Minggu Kerja Mampat dengan mempertimbangkan pelbagai faktor seperti jabatan, jenis kerja, dan penilaian prestasi semasa.



## Jenis Aturan Kerja Fleksibel

Menjelaskan definisi Minggu Kerja Mampat, perbezaan jadual kerja yang ditawarkan dalam Aturan Kerja Fleksibel, jam bekerja yang dipersetujui seminggu, dan keperluan waktu bekerja asas, jika perlu.



## Pengurusan Prestasi

Menjelaskan bahawa proses pengurusan prestasi kerja akan diguna pakai bagi pekerja yang menggunakan Minggu Kerja Mampat.



## Pampasan dan Faedah

Menjelaskan bahawa gaji, pampasan dan faedah lain tidak akan terkesan.



## Kajian Semula Polisi

Menyatakan kekerapan polisi perlu dikaji semula oleh Unit Sumber Manusia (contohnya setiap suku tahun atau setiap tahun) dan polisi tersebut boleh dipinda atau dihentikan jika tidak memenuhi objektif perniagaan.

Di TalentCorp, kami membantu syarikat untuk memulakan pelaksanaan Aturan Kerja Fleksibel (FWA). Kami memberikan sokongan nasihat dan perkongsian amalan terbaik untuk membantu syarikat menguruskan cabaran-cabaran FWA dari segi organisasi dan sumber manusia. Kami sedia memberikan penyelesaian yang bersesuaian dengan keperluan perniagaan anda, sama ada untuk melaksanakan, mempertingkatkan atau mempromosikan FWA bagi syarikat anda.

## Ingin memulakan perjalanan FWA anda?

Hubungi kami melalui e-mel [flexworklife@talentcorp.com.my](mailto:flexworklife@talentcorp.com.my)  
atau layari laman sesawang kami di [www.talentcorp.com.my](http://www.talentcorp.com.my)



**TalentCorp**  
KUMPULAN SYARIKAT

Talent Corporation Malaysia Berhad (201001035653)

Level 6, Surian Tower, No. 1 Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara  
47810 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

T +603 7839 7000

E [flexworklife@talentcorp.com.my](mailto:flexworklife@talentcorp.com.my) W [talentcorp.com.my](http://talentcorp.com.my)



TalentCorpMsia



TalentCorpMsia



TalentCorpMsia



Talent Corporation Malaysia Berhad

©2021 Talent Corporation Malaysia Berhad (201001035653). Hak cipta terpelihara.

Walaupun setiap usaha telah diambil untuk memastikan ketepatan maklumat yang terkandung dalam penerbitan ini, TalentCorp tidak menjamin dan tidak membuat pernyataan atau jaminan sama ada tersurat atau tersirat, terhadap kelengkapan, ketepatan, kebolehpercayaan atau kesesuaian maklumat atau grafik berkaitan yang terkandung dalam penerbitan ini untuk sebarang tujuan. Sebarang pergantungan pada maklumat yang diberikan adalah sepenuhnya atas risiko sendiri. TalentCorp, atau mana-mana pekerjanya, tidak bertanggungjawab ke atas keistimewaan, secara langsung atau tidak langsung, berpengaruh, atau kerosakan sampingan atau apa-apa kerosakan, sama ada dalam pelanggaran kontrak atau apa-apa salah laku, yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaan maklumat dan kandungan penerbitan ini.